

SUMBANGAN AHLI AKADEMIK TERHADAP PENGAJIAN HADITH: TUMPUAN KEPADA PENULISAN ILMIAH

Amran bin Abdul Halim¹

Zohdi bin Mohd Amin²

A. Irwan Sentri Doll Kawaид³

Mahsor bin Yahya⁴

Adnan bin Mohamed Yusoff⁵

Abdulloh Salaeh⁶

Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana keterlibatan dan sumbangan ahli akademik terhadap pengajian hadith. Sumbangan ahli akademik terhadap pengajian hadith juga amat diperlukan agar umat Islam dapat mengenali al-Sunnah secara lebih dekat. Ahli-ahli akademik yang dipilih adalah dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa yang mana kesemuanya dalam pelbagai bidang Pengajian Islam. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik iaitu persampelan berkelompok. Penulis mengedarkan borang soal selidik tersebut kepada ahli akademik di universiti tersebut. Berdasarkan, analisis deskriptif soal selidik ini, dapat dirumuskan bahawa ahli akademik adalah terlibat dan turut memberi sumbangan dalam pengajian hadith seperti menerbitkan buku-buku, artikel, pembentangan kertas kerja dan lain-lain. Ia juga mendedahkan bahawa kebanyakan ahli akademik mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan dengan bidang hadith. Oleh itu, mereka adalah antara golongan sangat sesuai dijadikan sebagai rujukan masyarakat dalam menyelesaikan permasalahan Sunnah dan bidaah, terutama sekali ahli akademik yang pakar dalam bidang hadith.

PENGENALAN

Menurut ulama' hadith, hadith atau *al-Sunnah* ialah sesuatu yang dilaporkan daripada Nabi Muhammad SAW dari sudut perkataan, perbuatan, *taqrir*⁷, sifat-sifat fizikal, akhlak⁸, sirah perjalanan atau riwayat hidup Nabi SAW sama ada sebelum dibangkitkan menjadi rasul⁹ atau selepasnya¹⁰. Terdapat juga satu ciri lagi kepada *al-Sunnah* menurut ulama' hadith,

¹ PhD, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

² PhD, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

³ PhD, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

⁴ PhD, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

⁵ PhD, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

⁶ PhD, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

⁷ Iaitu persetujuan atau akuan/pengesahan

⁸ Iaitu pewatakan dan pembawaan

⁹ Antaranya ketika Rasul Allah SAW berkhawlwat dan beribadat dalam gua Hira'

¹⁰ Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin*, c. 2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 16.

iaitu sama ada ia memberi implikasi kepada hukum syara' atau sebaliknya¹¹. Maksudnya hukum syara' bukanlah syarat atau suatu perkara yang perlu dimasukkan dalam takrif *al-Sunnah* menurut ulama' hadith, bukan seperti takrif *al-Sunnah* yang dikemukakan oleh ulama' usul fiqh¹².

Takrif *al-Sunnah* menurut jumhur ulama' hadith adalah sama dengan takrif *al-Hadith*. Menurut pandangan mereka, *al-Sunnah* lebih menitikberatkan kepada segala apa yang dilaporkan daripada Nabi Muhammad SAW sebagai seorang manusia yang dipilih yang menjadi contoh terbaik untuk seluruh manusia. Laporan tersebut sama ada berupa perwatakan, keperibadian, sirah (sejarah hidup), percakapan, perbuatan dan semua yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW itu sendiri tanpa melihat sama ada ia mempunyai implikasi hukum atau tidak¹³.

Manakala menurut ulama' *Usul al-Fiqh*, *al-Sunnah* ialah sesuatu yang ditimbulkan oleh Nabi SAW selain daripada al-Qur'an sama ada perkataan, perbuatan atau *taqrir* yang sesuai dijadikan dalil bagi hukum-hukum syara'¹⁴.

Menurut al-Syatibi, *al-Sunnah* ialah dalil-dalil syara' daripada al-Qur'an, daripada Nabi SAW atau ijтиhad sahabat seperti mengumpulkan mashaf dan lain-lain, iaitu setiap yang berlawanan dengan bid'ah¹⁵, sabda Nabi SAW :

١٦ عَلَيْكُمْ بِسْتَيْ وَسُنَّةِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ مِنْ بَعْدِي

Maksudnya: “Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah al-Khalifa' al-Rasyidin selepasku”.

Mengikut istilah ulama' fiqh, *al-Sunnah* ialah setiap ibadat sunat yang dilakukan oleh Nabi SAW, iaitu selain daripada ibadat-ibadat yang diwajibkan atau difardukan ke atas umat Islam¹⁷.

¹¹ Abu Yusuf Sulayman, *Al-Mustalahat al-Hadithiyah* (t.t.p: Al-Ma'had al-Dawli li al-Bunuk wa al-Iqtisad al-Islami, t.t.), 17.

¹² Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ittijahat fi Dirasat al-Sunnah Qadimuha wa Hadithuha* (Bangi: Dar al-Shakir, 2011), 186.

¹³ Muhammad 'Ajaj al-Khatib, *Usul al-Hadith: Ulumuh wa Mustalahuh*, c. 4 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 25.

¹⁴ Izz al-Din Baliq, *Minhaj al-Salihi min Ahadithi wa Sunnati Khatam al-Anbiya'* wa Mursalin (Kaherah: Maktabah al-Zahra' lil Tiba'ah wa al-Nasry wa al-Tawzi', t.t.), 2:14.

Antara ulama' yang dikatakan pakar dalam hadith ataupun *al-Sunnah*, antaranya ialah Sufiyan al-Thawri yang dikatakan pakar dalam hadith tetapi tidak bagi *al-Sunnah*, al-Awza'i dikatakan pakar dalam hal-hal mengenai *al-Sunnah* namun sebaliknya bukan pakar hadith, manakala Imam Malik adalah pakar bagi kedua-duanya. Muhammad 'Ajaj, *Usul al-Hadith*, 26.

¹⁵ *Ibid.*, 26.

¹⁶ Ibrahim ibn. Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 4:3. Muhammad 'Ajaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1981), 18.

¹⁷ Sulayman ibn al-Asy'as Abu Dawud al-Sijistani, Kitab al-Sunnah, no. hadith 4607. Lihat Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud* (Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah, t.t.), 4:200. Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, Kitab al-'Ilm, no. hadith 2685. Al-Tirmidhi berkata: “Hadith ini adalah *hasan saih*”. Lihat Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994), 4:308. Muhammad ibn Yazid ibn Majah al-Qazwini, Al-Muqaddimah, no. hadith 42. Lihat: Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Al-Qahirah: Dar al-Hadith 1994), 15. Hadith ini ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-'Irbad ibn al-Sariyah.

¹⁸ 'Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987), 16.

Takrif *al-Sunnah* seperti yang dinyatakan oleh para *ahl al-Hadith* adalah lebih tepat kerana skopnya lebih luas, iaitu merangkumi segala apa yang dilakukan oleh Nabi SAW sama ada sebelum Baginda SAW dilantik menjadi rasul atau pun sesudahnya, dan juga ia merangkumi syariat daripada al-Qur'an¹⁸.

Hadith adalah merupakan sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Qur'an dan ini telah disepakati oleh semua ulama'. Para fuqaha' dari kalangan sahabat semuanya kembali merujuk kepada hadith Rasul Allah SAW apabila menerangkan makna kandungan al-Qur'an sesuai kedudukannya sebagai sumber kedua syariat Islam. Hadith-hadith Rasulullah SAW menerangkan serta memperincikan lagi segala hukum-hakam dan perundangan yang terdapat dalam al-Qur'an.

Oleh yang demikian, semua masyarakat Islam yang dianggap sebaik-baik umat, iaitu umat Nabi Muhammad SAW, tanpa mengira bangsa, keturunan, pangkat atau warna kulit, diseru supaya patuh dan taat terhadap apa-apa yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, sama ada *al-Sunnah* itu merupakan wahyu ataupun ijтиhad Nabi SAW, sebagaimana yang dapat difahami dari maksud firman Allah S.W.T.:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَى، إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى

Maksudnya: "Dan dia (Muhammad) tidaklah memperkatakan melalui hawa nafsu semata-mata, melainkan ia adalah wahyu yang diutuskan kepadanya".

Surah *al-Najm* (53): 3-4

وَمَا ءاتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: "Segala apa yang dibawa oleh Rasul hendaklah kamu ambil, dan segala yang dilarang olehnya maka hendaklah kamu jauhinya".

Surah *al-Hasyr* (59): 7

Justeru, sumbangan ahli akademik terhadap pengajian hadith juga amat diperlukan agar umat Islam dapat mengenali *al-Sunnah* secara lebih dekat dan dapat memahami hadith-hadith Rasul Allah SAW. Jika usaha ini tidak dilakukan, maka para pelajar dan masyarakat Islam kurang terdedah dengan pengajian hadith dan seterusnya kurang berpengetahuan dalam bidang tersebut. Jika para pelajar di institusi-institusi pengajian dan masyarakat Islam amnya kurang pengetahuan dalam bidang hadith, akan menyebabkan mereka tidak mengenali Sunnah-Sunnah Nabi SAW dan seterusnya tidak menghayati kecintaan mereka terhadap Rasulullah SAW.

¹⁸ Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan Bid'ah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 21.

METOD KAJIAN

Soal selidik telah diedarkan kepada ahli-ahli akademik dalam bidang pengajian Islam di empat buah IPTA iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Di Universiti Malaya, ia melibatkan Akademi Pengajian Islam (APIUM) dan Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, Kelantan. Terdiri daripada bidang Usuluddin dan Syariah yang terbahagi kepada beberapa jabatan seperti Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Sejarah dan Tamadun Islam, Dakwah dan Pembangunan Insan, Akidah dan Pemikiran Islam, Syariah dan Pengurusan, Syariah dan Ekonomi, Fiqh dan Usul, Syariah dan Undang-Undang dan Siyasah Syar'iyyah. Manakala di UKM ia melibatkan Fakulti Pengajian Islam (FPI) yang terdiri daripada Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Usuluddin dan Falsafah, Syariah, Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam dan Unit Bahasa Arab. Di USIM pula, ia melibatkan pensyarah dari Fakulti Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Manakala UIA, ia melibatkan Fakulti Ilmu Wahyu iaitu Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Jabatan Fiqh dan Usul, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Jabatan Bahasa Arab dan Jabatan Pengajian Umum


Dalam soal selidik kajian, terdapat dua skala utama yang digunakan iaitu skala dikotomi (Ya atau Tidak). Untuk skala dikotomi ini, penyelidik menggunakan nilai koefisien *Kuder Richardson* (K-R 20).

Berikut adalah jumlah populasi dan jumlah serta peratus dari keseluruhan responden yang menjawab soal selidik bagi setiap universiti:

Jadual 1: Jumlah Populasi dan Soal Selidik Yang Di Kutip

NAMA UNIVERSITI	UM	UKM	UIA	USIM
JUMLAH POPULASI	86	104	67	69
BILANGAN SOAL SELIDIK YANG DIEDAR	86	104	67	69
JUMLAH YANG DAPAT DIKUTIP	52	42	29	27
PERATUS	60.4	40.38	43.28	39.13

Rajah 1: Jumlah populasi dan soal selidik



Sumber: Soal Selidik

Jumlah populasi bagi empat buah universiti tersebut adalah sebanyak 326 responden, tidak termasuk ahli akademik dari luar negara. Kajian hanya melibatkan ahli akademik dalam negara sahaja, iaitu warganegara Malaysia. Manakala jumlah keseluruhan responden yang menjawab soal selidik tersebut ialah sebanyak 150. Oleh itu, saiz sampel kajian ini adalah 150 responden, iaitu 46.01 peratus dari jumlah keseluruhan populasi. Menurut Idris Awang, saiz sampel sebaik-baiknya hendaklah sekurang-kurangnya menyamai 30 peratus dari jumlah keseluruhan populasi¹⁹. Oleh itu, 30 peratus dari populasi yang berjumlah 326 responden adalah menyamai 98 responden. Saiz sampel yang diperlukan dalam kajian ini hendaklah sekurang-kurangnya 98 responden. Jadual di atas menunjukkan saiz sampel bagi setiap universiti dan keseluruhannya melebihi dari yang telah ditetapkan ini.

KEPUTUSAN ANALISIS ITEM-ITEM

Soal selidik ini mempunyai tiga pernyataan untuk mengenalpasti sumbangan dalam bentuk penulisan ilmiah dalam pengajaran hadith. Oleh itu, skala yang digunakan untuk bahagian ini sahaja adalah skala dikotomi (Ya / Tidak).

B1

Menulis buku dalam bidang hadith


Jadual 2: Taburan Kekerapan Item B1

¹⁹ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajaran Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 85.

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
TIDAK	117	78.0	78.0	78.0
YA	33	22.0	22.0	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah 2: Carta Palang Item B1



Sumber: Soal Selidik

Menulis buku dalam pengajian hadith adalah seperti '*Ulum al-Hadith*, *Takhrij al-Hadith*, hadith-hadith tematik, *tahqiq* dan *takhrij* hadith-hadith dalam kitab-kitab Jawi, permasalahan sunnah dan bid'ah dan lain-lain yang dikhususkan hanya kepada pengajian hadith. Tidak termasuk buku-buku dalam bidang lain seperti syari'ah, akidah, dakwah dan lain-lain walaupun menggunakan hadith-hadith sebagai dalil. Oleh itu, merujuk kepada jadual dan rajah 4.6 di atas, tidak ramai responden yang menulis buku dalam bidang hadith. Bilangan responden yang menulis buku-buku berkaitan dengan bidang tersebut adalah sebanyak 33 orang atau 22%. Manakala yang tidak menulis buku dalam bidang hadith ialah sebanyak 117 orang atau 78%. Antara sebab peratusan yang masih tinggi membabitkan responden yang belum menulis buku berkaitan pengajian hadith ialah kerana kajian ini bukan sahaja melibatkan ahli akademik dalam bidang hadith, malah melibatkan juga ahli akademik dalam bidang lain seperti Syari'ah, Akidah, Sejarah dan Tamadun dan lain-lain. Berdasarkan pemerhatian terhadap soal selidik, masih terdapat responden yang

belum menulis buku walaupun mereka berkhidmat di Jabatan atau Fakulti Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Terutama sekali mereka yang berkhdmat dalam tempoh antara 1-5 tahun.

Buku-buku pengajian hadith yang ditulis oleh ahli akademik adalah merupakan salah satu sumbangan untuk masyarakat Islam agar mereka mengenali *al-Sunnah* secara lebih dekat. Ia boleh dijadikan bahan bacaan dan dibaca pada bila-bila masa dan menjadi alternatif sekiranya mereka tidak sempat menghadiri majlis ilmu. Antara buku-buku pengajian hadith yang ditulis ialah *Kumpulan Hadith Masyhur* yang ditulis oleh Budah @ Udah bin Mohsin dan Jawiah binti Dakir. Buku ini menjelaskan status hadith-hadith masyhur dalam masyarakat Melayu, sama ada sahih atau palsu. Buku ini bukan sahaja memberi sumbangan kepada orang awam malah kepada kalangan bijak pandai, iaitu guru-guru agama hingga kepada ahli akademik. Jika mereka tidak peka kepada sahih atau palsunya sesebuah hadith, akan menambah kegawatan dan kekeliruan dalam kalangan orang awam terutama kepada mereka yang tidak mempunyai asas ilmu agama atau kurang mantap ilmunya²⁰.

Buku '*Ulum Hadith* pula ditulis oleh Mohd Muhibin bin Abd Rahman merupakan buku yang berkaitan dengan ilmu mustalah hadith yang lengkap dengan ilmu *takhrij* dan pengajian *sanad* hadith juga adalah sumbangan kepada umat Islam agar mereka mengenali ciri-ciri suatu hadith sama ada sahih, *hasan*, *da'if* atau palsu. Dengan pengajian ilmu mustalah hadith ini, terutamanya pelajar di institusi-institusi pengajian, mereka akan lebih berhati-hati sebelum menerima dan mengamalkan sesuatu hadith.

Buku *Hadith Dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani* yang ditulis oleh Fauzi bin Deraman juga memberi sumbangan dalam bidang pengajian hadith. Buku ini ditulis bertujuan untuk menyemak dan menilai status hadith yang dimuatkan dalam karya Syeikh Daud al-Fatani. Oleh itu, buku ini memberi sumbangan yang besar terhadap masyarakat Melayu yang ingin mempelajari Kitab Jawi yang telah ditulis oleh ulama Nusantara. Dengan adanya buku ini, masyarakat Melayu akan lebih berhati-hati dalam mempelajari dan menerima sesebuah hadith yang dimuatkan dalam Kitab Jawi. Seterusnya mereka beramal dengan hadith-hadith *maqbul* dan meninggalkan hadith-hadith *mardud*. Begitu juga buku *Pengajian Hadith di Malaysia* yang ditulis oleh Fauzi Deraman, Ishaq Hj Sulaiman dan Faisal Ahmad Shah mendedahkan karya-karya pengajian hadith yang digunakan di Malaysia. Antaranya *Bulugh al-Maram* (dalam bahasa Melayu), karya-karya hadith al-Marbawi dan karya-karya hadith terbitan JAKIM seperti *Mastika Hadith Rasul Allah SAW* dan lain-lain. Selain daripada itu, terdapat juga buku yang memperkenalkan tokoh-tokoh ulama' di Nusantara yang terlibat memberi sumbangan dalam pengajian hadith seperti Nuruddin al-Raniri, Abd al-Rauf al-Fansuri, Nawawi al-Bantani, Hassan Bandung dan lain-lain serta institusi-institusi pengajian mereka. Buku tersebut ialah *Pengajian Hadith di Nusantara* yang ditulis oleh Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah.

Manakala buku yang menggabungkan antara sunnah dan bid'ah ialah seperti yang dihasilkan oleh Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali iaitu *Sunnah dan Bid'ah dalam Amalan Orang Melayu*. Buku ini memperkenalkan *al-Sunnah* dan mengupas jenis-jenis amalan yang dilakukan oleh orang Melayu yang dikaitkan dengan *al-Sunnah* seperti adat

20 Budah@Udah bin Mohsin dan Jawiah Dakir, *Kumpulan Hadith Masyhur*, Edisi Kedua (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), xviii.

istiadat perkahwinan, kematian, perbomohan dan lain-lain serta hukumnya menurut para ulama'. Amalan-amalan tersebut dilihat dari perspektif hadith sama ada ia menepati *al-Sunnah* atau sebaliknya. Oleh yang demikian, buku ini juga turut memberi sumbangan terhadap pengajian hadith dan kepada masyarakat Melayu yang ingin menyelidik kembali amalan mereka sama ada bertepatan dengan al-Qur'an dan *al-Sunnah* atau sebaliknya. Seterusnya, mereka akan dapat membezakan antara *al-Sunnah*, adat dan bid'ah.

B2


Menulis artikel dalam bidang hadith

Jadual 3: Taburan Kekerapan Item B2

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
TIDAK	73	48.7	48.7	48.7
YA	77	51.3	51.3	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah 3: Carta Palang Item B2



Sumber: Soal Selidik

Merujuk Jadual dan rajah 4.7 di atas, didapati bahawa sebanyak 77 (51.3%) responden telah menghasilkan artikel dalam bidang hadith. Manakala 73 (48.7%) responden belum menulis artikel dalam bidang tersebut.

Penulisan artikel yang disebarluaskan ada dimuatkan dalam jurnal, buku-buku, majalah, akhbar-akhbar dan juga cakera padat merupakan sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam yang ingin menjadikan artikel tersebut sebagai rujukan dalam pengajian hadith. Antara artikel yang ditulis dalam bidang hadith ialah “*Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis*” yang ditulis oleh Jawiah Dakir, Budah@Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim dan Faisal Ahmad Shah. Artikel ini mendedahkan dan membuat penilaian terhadap hadith-hadith *Masyhur* yang diambil dari pelbagai sumber di Malaysia seperti koleksi khutbah Jumaat, Kitab Jawi, majalah-majalah dan buku bacaan awam. Penilaian statusnya adalah sama ada sahih, *hasan*, *da'if* atau palsu. Artikel ini adalah berguna dan menjadi panduan kepada mana-mana pegawai-pegawai agama, imam, guru-guru agama dan lain-lain apabila mereka ingin memuatkan sesebuah hadith dalam buku-buku, majalah, teks khutbah dan lain-lain. Begitu juga jika mereka ingin mengajar kitab-kitab Jawi di masjid-masjid atau surau-surau.

Terdapat juga artikel yang dihasilkan oleh Shayuthy Abd Manas dan Isma'il bin Abdullah yang bertajuk “*Dawabit Ma'rifah al-Wad' fi Matn al-Hadith al-Nabawi: Al- Manar al-Munif Ibn Qayyim al-Jawziyyah Namudhajan*”. Artikel tersebut menjelaskan kaedah untuk mengenali tanda-tanda hadith palsu pada matannya, tanpa melihat pada *sanadnya*. Antara kitab yang membincangkan perkara tersebut ialah *al-Manar al-Munif Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Tanda-tanda tersebut antaranya ialah tidak boleh diterima oleh akal yang sihat, bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Hadith, ganjaran pahala yang melampau untuk amalan yang kecil, perkara yang jelas kebatilannya yang mana mustahil Nabi SAW menyampaikan perkara yang batil dan lain-lain²¹. Artikel yang mendedahkan tanda-tanda hadith *Mawdu'* amat penting dan turut memberi sumbangan untuk umat Islam. Umat Islam juga akan melakukan amalan bid'ah jika mereka tidak didekahkan hadith-hadith palsu yang tidak seharusnya diterima dan diamalkan oleh mereka dan ia merupakan salah satu faktor tersebar dan berleluasanya amalan bid'ah dalam kalangan masyarakat Islam. Kejahilan tersebut adalah juga disebabkan kurangnya pembacaan mereka terhadap kitab-kitab hadith sahih dan perkara-perkara atau ilmu yang bersangkutan dengan hadith²².

²¹ Antaranya hadith umur dunia adalah tujuh ribu tahun. Oleh itu Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah menyatakan jika sekiranya benar umur dunia adalah tujuh ribu tahun, maka seseorang akan mengetahui bila akan berlaku Hari Qiyamat. Hal ini adalah bercanggah dengan al-Qur'an dan hadith Nabi SAW yang menjelaskan manusia tidak akan mengetahui bila berlakunya Qiyamat. Lihat: Isma'il Abdullah dan Shayuthy Abd Manas, “*Dawabit Ma'rifah al-Wad' fi Matn al-Hadith al-Nabawi: Al- Manar al-Munif Ibn Qayyim al-Jawziyyah Namudhajan*,” *Jurnal Usuluddin* 19 (Julai 2004), 233.

²² Faisal Ahmad Shah (PhD, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 7 April 2013. Jawiah Dakir (Prof Dr, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 21 Februari 2013.

B3


Membuat pembentangan kertas kerja berkaitan dengan bidang hadith

Jadual 4: Taburan Kekerapan Item B3

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
TIDAK	79	52.7	52.7	52.7
YA	71	47.3	47.3	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah 4: Carta Palang Item B3



Sumber; Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4.8 di atas, didapati sebanyak 71 atau 47.3% responden telah membuat pembentangan kertas kerja yang berkaitan dengan pengajian hadith. Walau bagaimana pun, terdapat 79 atau 52.7% responden yang belum membuat pembentangan kertas kerja tersebut.

Pembentangan kertas kerja tersebut sama ada dalam seminar-seminar kebangsaan atau antarabangsa, wacana ilmiah, bengkel-bengkel, kursus dan lain-lain. Dalam majlis-majlis tersebut bukan sahaja dihadiri oleh ahli-ahli akademik, ia turut dihadiri oleh para pelajar institusi pengajian, pendakwah dan juga orang-orang awam. Dalam majlis ini juga ahli-ahli akademik dan pelajar berkongsi ilmu serta idea yang berasas yang akan dapat memberi

manfaat kepada orang ramai. Kesempatan ini, mereka boleh menyampaikan dan memperkenalkan pengajian hadith dan isu-isu yang berkaitan dengannya yang perlu diketengahkan dalam masyarakat Islam agar dapat mereka dapat mengamalkan ajaran Islam bertepatan dengan al-Qur'an dan *al-Sunnah*.

Antara pembentangan yang telah dilakukan oleh ahli-ahli akademik ialah kertas kerja yang dibentangkan oleh Shayuthy Abd Manas yang bertajuk "Bagaimana Berinteraksi dengan Sunnah Rasulullah SAW". Kertas kerja tersebut telah dibentangkan dalam Wacana Ilmiah di Pejabat Al-Nida' pada 18 Jun 2006. Begitu juga kertas kerja yang bertajuk "Kaedah Berinteraksi dengan Sunnah" juga telah dibentangkan oleh beliau di Universiti Islam Antarabangsa. Beliau memperkenalkan sunnah Rasul Allah SAW dan menjelaskan cara-cara berinteraksi dengannya. Selain daripada masyarakat perlu didedahkan dengan ciri-ciri dan permasalahan bid'ah, mereka juga terlebih dahulu perlu diperkenalkan *al-Sunnah* dan kaedah berinteraksi dengannya agar tidak terkeliru dalam membezakan antara *al-Sunnah* dan bid'ah.

PENUTUP

Berdasarkan analisis deskriptif soal selidik ini, dapat dirumuskan bahawa ahli akademik adalah terlibat dan turut memberi sumbangan dalam pengajian hadith seperti menerbitkan buku-buku, artikel, pembentangan kertas kerja dan lain-lain, terutama sekali ahli akademik yang tahap kelulusannya dalam bidang hadith. Kajian ini juga mendapati bahawa ahli akademik yang mempunyai lain-lain bidang juga turut serta memberi sumbangan dalam pengajian hadith. Walaupun terdapat juga ahli akademik yang bukan dalam bidang hadith, namun mereka tetap juga menggunakan hadith-hadith dalam penulisan buku, kajian atau segala jenis penyelidikan

Kajian ini juga mendedahkan bahawa kebanyakan ahli akademik mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan dengan bidang hadith. Oleh itu, mereka adalah antara golongan sangat sesuai dijadikan sebagai rujukan masyarakat dalam menyelesaikan permasalahan Sunnah dan bidaah, terutama sekali ahli akademik yang pakar dalam bidang hadith, tafsir dan fiqh serta lain-lain bidang.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987)
- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy‘ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud* (Beirut: Dar Ihya’ al-Sunnah al-Nabawiyyah, t.t.)
- Abu Yusuf Sulayman, *Al-Mustalahat al-Hadithiyah* (t.t.p: Al-Ma‘had al-Dawli li al-Bunuk wa al-Iqtisad al-Islami, t.t.)
- Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan Bid‘ah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007)
- Budah@Udah bin Mohsin dan Jawiah Dakir, *Kumpulan Hadith Masyhur, Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008)
- Ibrahim ibn. Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari‘ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 4:3. Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1981)

- Isma'il Abdullah dan Shayuthy Abd Manas, "Dawabit Ma'rifah al-Wad' fi Matn al-Hadith al-Nabawi: Al-Manar al-Munif Ibn Qayyim al-Jawziyyah Namudhajan," *Jurnal Usuluddin* 19 (Julai 2004)
- Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin*, c. 2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981)
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ittijahat fi Dirasat al-Sunnah Qadimuha wa Hadithuha* (Bangi: Dar al-Shakir, 2011)
- Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith: Ulumuh wa Mustalahuh*, c. 4 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 25. 'Izz al-Din Baliq, *Minhaj al-Salihin min Ahadithi wa Sunnati Khatam al-Anbiya' wa Mursalin* (Kaherah: Maktabah al-Zahra' lil Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', t.t.)
- Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994)
- Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Al-Qahirah: Dar al-Hadith 1994)
- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009)
- Faisal Ahmad Shah (PhD, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 7 April 2013.
- Jawiah Dakir (Prof Dr, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 21 Februari 2013.

Soal Selidik